

Mesej Lapan

**Benih Daud Menjadi Anak Tuhan**

Bacaan Bible: 2 Sam. 7:12a, 14a; Mat. 22:41-45; Kis. 13:23, 33; Roma 1:3-4; 8:29; Wahi 22:16

- I. **“Aku akan membangunkan benihmu selepas engkau...Aku akan menjadi Bapanya, dan dia akan menjadi anak-Ku”—2 Sam. 7:12a, 14a:**
  - A. *Benihmu* di sini, secara literal, merujuk kepada Salomo, anak Daud—1 Raj. 5:5; 8:15-20.
  - B. Menurut Ibrani 1:5b, yang memetik 2 Samuel 7:14a, benih Daud sebenarnya ialah Kristus yang merupakan Anak sulung Tuhan, yang memiliki kedivinan dan keinsanan—Ibr. 1:5a, 6.
  - C. *Benihmu* dalam 2 Samuel 7:12a dan *anak-Ku* dalam ayat 14a mengimplikasikan bahawa benih Daud akan menjadi Anak Tuhan, iaitu benih insani akan menjadi Anak divin—Roma 1:3-4.
  - D. Ungkapan tentang benih Daud menjadi Anak Tuhan ini diteruskan dan dikembangkan dengan kuat dalam Wasiat Baru—Mat. 22:41-45; Wahi 22:16.
- II. **Dalam Matius 22:41-45, Tuan Yesus menanyakan soalan terpenting dalam alam semesta: “Apa pendapatmu tentang Kristus itu? Anak siapakah Dia?”—ay. 42a:**
  - A. Orang Farisi mengatakan bahawa Kristus ialah anak Daud, maka Tuan bertanya kepada mereka bagaimana Daud boleh memanggil Kristus itu Tuan padahal Kristus ialah anaknya—ay. 43-45.
  - B. Kita hanya dapat mengenali Kristus dalam roh kita menerusi pewahian Tuhan—ay. 43; Ef. 3:5.
  - C. Kristus ialah Tuhan; dalam kedivinan-Nya, Dia ialah Tuan bagi Daud—Mat. 22:43.
  - D. Kristus juga seorang manusia; dalam keinsanan-Nya, Dia ialah anak Daud—ay. 42, 45.
- III. **Dalam Wahi 22:16, Tuan Yesus berkata, “Akulah Akar dan Keturunan Daud”:**
  - A. Dalam kedivinan-Nya, Kristus ialah Akar Daud, iaitu sumbernya; dalam keinsanan-Nya, Kristus ialah Keturunan Daud, iaitu benihnya.
  - B. Kristus ialah Tuan sebagai Akar Daud; Dia juga ialah anak Daud, iaitu tunas Daud, sebagai Keturunan Daud; sebagaimana *Keturunan Daud* menunjukkan bahawa Tuan ialah manusia dan Dia keluar daripada Daud, begitu juga *Akar Daud* menunjukkan bahawa Dia ialah Tuhan dan Daud keluar daripada-Nya.
  - C. Dalam Wahi 22:16, Kristus sendiri mengakui bahawa Dia manusia dan juga Tuhan, Dia mempunyai sifat insani dan sifat divin.
- IV. **Dalam Kisah 13, Paulus mengatakan bahawa daripada benih Daud “Tuhan, menurut janji, telah membawa seorang Penyelamat, iaitu Yesus, kepada Israel” (ay. 23), dan mengatakan bahawa “Tuhan telah menggenapi janji ini sepenuhnya...dengan membangkitkan Yesus, sebagaimana juga yang tertulis dalam Mazmur kedua, ‘Engkaulah Anak-Ku; hari ini Aku telah memper-anakkan Engkau’” (ay. 33):**
  - A. Dalam ayat 32 dan 33, kita melihat bahawa Kristus sebagai Anak sulung Tuhan telah dijanjikan kepada bapa-bapa leluhur, dan Tuhan menggenapi janji ini dengan membangkitkan Yesus.
  - B. Kebangkitan ialah kelahiran bagi manusia Yesus:
    1. Dia diperanakkan Tuhan dalam kebangkitan-Nya untuk menjadi Anak sulung Tuhan dalam kalangan dikbang yang banyak—Roma 8:29.

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Lapan (sambungan)

2. Dia ialah Anak tunggal Tuhan dari keabadian—Yoh. 1:18; 3:16.
  3. Selepas inkarnasi-Nya, menerusi kebangkitan, Dia diperanakkan Tuhan dalam keinsanan-Nya untuk menjadi Anak sulung Tuhan—Ibr. 1:6.
- C. Paulus dapat melihat kebangkitan Tuan dalam Mazmur 2:7: “Engkaulah Anak-Ku; / Hari ini Aku telah memperanakkan Engkau”:
1. Paulus mengaplikasikan ungkapan *hari ini* pada hari kebangkitan Tuan.
  2. Ini bermaksud bahawa kebangkitan Kristus ialah kelahiran-Nya sebagai Anak sulung Tuhan.
  3. Yesus, Anak Manusia, telah dilahirkan sebagai Anak Tuhan dengan dibangkitkan daripada yang mati; oleh itu, Tuhan membangkitkan Yesus daripada yang mati ialah Dia memperanakkan Yesus untuk menjadi Anak sulung-Nya—Kis. 13:33.
- D. Menerusi inkarnasi, Anak tunggal Tuhan memakai keinsanan dan menjadi Tuhan-manusia (Yoh. 1:14, 18; Luk. 1:35); kemudian dalam kebangkitan, Tuhan-manusia ini telah dilahirkan daripada Tuhan untuk menjadi Anak sulung-Nya (Kis. 13:33; Ibr. 1:6; Roma 8:29):
1. Sebelum inkarnasi, Anak tunggal Tuhan tidak mempunyai sifat insani; Dia hanya mempunyai sifat divin.
  2. Dalam kebangkitan, Anak sulung Tuhan mempunyai sifat insani dan juga sifat divin.
- E. Menerusi kebangkitan Kristus, Dia dilahirkan sebagai Anak sulung; pada masa yang sama, semua percayawan-Nya juga dilahirkan sebagai anak Tuhan yang banyak—1 Ptr. 1:3; Ibr. 2:10:
1. Dalam kalangan anak yang banyak, hanya Yang Sulung ialah Anak tunggal Tuhan—Yoh. 1:18; 1 Yoh. 4:9.
  2. Anak tunggal Tuhan ini, dalam keinsanan-Nya yang dibangkitkan, juga ialah Anak sulung Tuhan—Roma 8:29.
  3. Yang Sulung itu mempunyai kedivinan dan keinsanan; kita, iaitu percayawan-Nya sebagai anak Tuhan yang banyak, juga mempunyai sifat insani dan sifat divin—2 Ptr. 1:4.
- V. Kita perlu mengetahui bahawa dalam kebangkitan Kristus, Dia dilantik tentu dalam kudrat sebagai Anak Tuhan yang mempunyai keinsanan—Roma 1:3-4:**
- A. Sebelum Kristus berinkarnasi dan bangkit, Dia ialah Anak Tuhan, iaitu Anak tunggal—Yoh. 1:18; 3:16.
- B. Walaupun sebelum inkarnasi Kristus sudah pun merupakan Anak Tuhan, namun Dia masih perlu dilantik tentu sebagai Anak Tuhan daripada kebangkitan kerana melalui inkarnasi, Dia memakai sifat insani yang tidak ada kena-mengena dengan kedivinan—1:1, 14; Roma 8:3:
1. Selepas Anak Tuhan berinkarnasi, sifat divin-Nya disembunyikan dalam tubuh daging.
  2. Kristus sudah pun merupakan Anak Tuhan dalam kedivinan-Nya, namun bahagian-Nya yang merupakan Yesus bersama dengan sifat insani yang dilahirkan daripada Maria, bukan Anak Tuhan—Luk. 1:31-32, 35.
  3. Melalui kebangkitan, Kristus telah menguduskan dan meninggikan sifat insani, iaitu keinsanan-Nya, dan Dia dilantik tentu daripada kebangkitan sebagai Anak Tuhan dengan membawa sifat insani ini; dalam erti kata ini, Dia diperanakkan menjadi Anak Tuhan dalam kebangkitan-Nya—Roma 1:3-4; Kis. 13:33; Ibr. 1:5.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Lapan (sambungan)

4. Pelantiktentuan Anak Tuhan ini adalah “dalam kudrat”, yakni kudrat kebangkitan Kristus yang realitinya ialah Roh itu—Roma 1:4; Flp. 3:10; Ef. 1:19-20.
- C. Menerusi pelantiktentuan dalam kebangkitan, Kristus yang sudah pun merupakan Anak Tuhan sebelum inkarnasi-Nya, menjadi Anak Tuhan dengan cara yang baru—Roma 1:4:
1. Sebelum inkarnasi-Nya, Dia ialah Anak Tuhan yang hanya mempunyai kedivinan; menerusi kebangkitan-Nya, Dia dilantik tentu sebagai Anak Tuhan yang mempunyai kedivinan dan keinsanan—ay. 4.
  2. Jika Kristus tidak pernah mengenakan sifat insani, Dia tidak perlu dilantik tentu sebagai Anak Tuhan kerana dalam kedivinan-Nya Dia sudah pun merupakan Anak Tuhan, bahkan dari keabadian—Yoh. 1:18; 17:5.
  3. Setelah memakai keinsanan menerusi inkarnasi, Dia dilantik tentu sebagai Anak Tuhan yang mempunyai keinsanan dalam kebangkitan—1:14; Roma 8:3; 1:3-4; Ibr. 2:14:
    - a. Sebagai Anak Tuhan yang dilantik tentu, Kristus memiliki dua sifat, iaitu kedivinan dan keinsanan; keinsanan yang dimiliki-Nya sekarang bukan keinsanan alamiah, tetapi keinsanan yang ditinggikan dalam kebangkitan—Roma 1:4.
    - b. Bahkan sifat insani Kristus telah dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, kerana Dia telah dilantik tentu sebagai Anak Tuhan yang mempunyai kedivinan dan keinsanan.
- D. Pelantiktentuan Kristus sebagai Anak Tuhan yang mempunyai keinsanan adalah “menurut Roh kekudusan”—ay. 4:
1. Roh kekudusan ialah esens hayat dalam Tuan Yesus; ketika Dia hidup di bumi dalam tubuh daging, Dia mempunyai esens ini dalam-Nya—Mat. 1:18, 20; Luk. 1:35.
  2. Apabila Tuan Yesus dibangkitkan dari kalangan orang yang mati, Dia dilantik tentu sebagai Anak Tuhan dalam kudrat melalui kebangkitan menurut Roh kekudusan yang ada dalam-Nya—Roma 1:4.
  3. Kini Dia ialah Anak Tuhan, lebih menakjubkan daripada dahulu, kerana kini Dia memiliki sifat divin dan sifat insani yang dibangkitkan, ditransform, ditinggikan, dimuliakan, dan dilantik tentu—6:4; Luk. 24:26; Yoh. 17:5; Kis. 3:13.
- E. Kita perlu mengaitkan Roma 1:3-4 dengan 8:29:
1. Menerusi inkarnasi, penyaliban, dan kebangkitan-Nya, Kristus, yakni Anak Tuhan, menjadi Anak sulung; anak yang banyak pula, yakni para dikbang Kristus, sedang dikonform kepada imej-Nya—Ibr. 2:10-11; Roma 8:29.
  2. Dalam Roma 1:3-4, Kristus sebagai Anak Tuhan ialah prototaip, manakala dalam 8:29, dikbang yang banyak ialah orang yang “dihasilkan secara besar-besaran” daripada prototaip itu, dan dengan diselamatkan dalam hayat, mereka ini akan dikonform kepada imej Anak sulung.
  3. Ini membawa kita kepada perkara berkenaan deifikasi dan mengimplikasikan bahawa hasrat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah menjadikan diri-Nya manusia supaya dalam Kristus, kita, iaitu percayawan dalam Kristus dan anak-anak Tuhan, dapat menjadi Tuhan dalam hayat, dalam sifat, dan dalam konstitusi (tetapi bukan dalam Ketuhanan); implikasi ini amat besar sekali, dan akhirnya Bible berkonsumasi dalam perkara ini—ay. 29; 1:3-4; Yoh. 1:1-13; 1 Yoh. 3:1; Wahi 21:2, 10-11.